

Um-20/4/2004
m/s:2

Abdullah beri ucaptama Persidangan Pendidikan 27 April

KUALA LUMPUR 19 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucaptama mengenai Revolusi Pendidikan-Agenda Masa Depan Negara di Pusat Pameran dan Konvensyen Sunway, Bandar Sunway pada 27 April ini.

Ucaptive berkenaan akan disampaikan sempena Persidangan Kemuncak Pendidikan Malaysia yang akan berlangsung selama dua hari.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Dr. Micheal Yeoh berkata, persidangan itu tepat pada masanya kerana ia dapat memberi pendedahan kepada semua pihak yang terlibat dalam sektor pendidikan negara.

Katanya, ia juga memberi peluang kepada para ahli akademik dan pembuat dasar berbincang pelbagai isu berkaitan termasuk hala tuju pendidikan negara.

Beliau memberitahu, ini pula diharap menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan serta menghadapi cabaran era globalisasi.